



Headline	61 anak Perak jalani latihan di Brazil		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	15 May 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	26	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	181 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,128
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,384



# 61 anak Perak jalani latihan di Brazil

**Ipoh:** Seramai 61 rakyat tempatan menjadi kumpulan perintis mendapat manfaat daripada pelaburan besar Vale di Perak, dengan menjalani latihan sambil kerja di Brazil, negara asal syarikat perlombongan terbesar dunia itu.

Semua perantis anak Perak berusia antara 22 hingga 31 tahun itu berlepas dari ibu negara ke Rio De Janeiro awal pagi ini untuk menjalani latihan selama empat bulan di beberapa lokasi milik syarikat itu di Brazil.

Mereka akan menimba pengalaman khususnya dalam bidang kejuruteraan elektrik dan mekanikal, keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta pemahaman mengenai industri diceburi syarikat berkenaan.

## Ditawarkan pekerjaan

Kumpulan itu akan kembali ke tanah air pada September dengan perantis berprestasi baik ditawarkan pekerjaan tetap dengan syarikat itu.

Pengurus Negara Vale Malaysia Manufacturing Sdn Bhd, Marcelo Figueiredo, berkata mereka sebelum ini menjalani latihan teori selama enam bulan di Institut Teknologi Kejuruteraan Marin UniKL (UniKL MIMET) dan enam bulan latihan amali di tapak projek Vale di Teluk Rubiah, Manjung.

"Ketika ini, kumpulan kedua perantis 82 orang sedang menjalani latihan di UniKL MIMET manakala 54 orang lagi sedang dipilih untuk kumpulan ketiga.

"Sasaran kami untuk mengaji 100 peratus rakyat Malaysia bagi mengisi 1,800 pekerjaan apabila mula beroperasi sepenuhnya pada Jun tahun depan selepas menda-



Marcelo Figueiredo

pati Vale tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan kakitangan berkelayakan di Malaysia," katanya pada sidang media selepas meraikan 61 perantis perintis itu di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif InvestPerak, Datuk Muhammad Hafni Ibrahim.

## Perantis teruja

Perantis, Mohd Faizal Mohd Zaki, 31, berkata beliau merasa teruja untuk menjalani latihan di Brazil dengan mulai belajar beberapa ayat dalam bahasa Portugis, walaupun pertama kali terpaksa mengikuti tempoh penerbangan yang panjang.

Hamizatul Husnani Mohd Nadzri, 23, pula mengakui berasa gementar dan teruja untuk ke luar negara buat pertama kali dalam hidupnya bagi menjalani latihan di sebuah syarikat perlombongan gergasi dunia itu.

Wilbert Jaquim Arokiasamy, 22, pula menyifatkan ia sebagai peluang terbaik kepada golongan muda sepertinya menimba pengalaman serta mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai operasi Vale.